

27 NOV 1997

DAP-Mahathir

DAP PUJI DR MAHATHIR BERJAYA DAPATKAN SOKONGAN APEC

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- DAP memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya mendapatkan sokongan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) untuk meminta Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengkaji peranan peniaga-peniaga matawang.

Setiausaha Agung parti itu, Lim Kit Siang, berkata beliau percaya bukan mudah bagi Perdana Menteri untuk menyakinkan para pemimpin APEC dari negara-negara maju mengenai keperluan mewujudkan peraturan mengawal manipulasi pasaran kewangan antarabangsa, pada sidang kemuncak APEC yang baru sahaja tamat di Vancouver.

"Mahathir layak menerima sokongan penuh dalam menekan arena antarabangsa bagi mengadakan segera peraturan mengawal aktiviti peniaga-peniaga matawang untuk melindungi matawang negara-negara membangun...", Ketua Pembangkang itu dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata kerajaan Malaysia juga perlu berusaha mendapatkan perjanjian antarabangsa bagi mewujudkan sistem sejagat dalam mengawal matawang pada mesyuarat menteri-menteri luar dari negara-negara Asean, Asia Barat dan Kumpulan 15 (G15) di Kuala Lumpur minggu depan.

DAP turut menyambut baik keputusan Kabinet mengarahkan semua menerima membatalkan percutian mereka ke luar negara bagi mengelakkan pengaliran keluar tukaran asing.

Lim berkata arahan itu harus merangkumi semua pegawai-pegawai kerajaan persekutuan dan negeri termasuk Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan exco-exco negeri.

Sementara itu, naib presiden Gerakan Datuk Dr Kang Chin Seng menggesa kerajaan supaya tidak berputus asa dalam usahanya untuk terus mendapatkan sokongan bagi pendiriannya berhubung urusan matawang.

Beliau berkata ini adalah untuk kebaikan bersama semua negara-negara membangun terutama yang mengalami kelembapan ekonomi luar biasa.

Kang menyifatkan kejayaan Dr Mahathir mendapatkan sokongan para pemimpin APEC untuk meminta IMF mengkaji peranan peniaga-peniaga matawang sebagai satu kejayaan terbaru diplomatik Malaysia.

"Ia merupakan satu kejayaan bagi kebaikan bersama semua negara yang saling bergantung antara satu sama lain dan merupakan satu langkah yang hampir kepada falsafah memakmurkan jiran anda," kata Kang dalam satu kenyataan di sini. -- BERNAMA